

## BAB PENDAHULUAN

### 1.0 PENDAHULUAN

Dalam bab pendahuluan ini, penulis akan mengemukakan mengenai latarbelakang masalah kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, huraian tajuk, skop kajian, kepentingan kajian, kajian lepas, metodologi kajian dan juga susunan bab.

### 2.0 LATAR BELAKANG MASALAH KAJIAN

Islam merupakan sebuah agama yang syumul serta amat menitikberatkan persoalan akhlak dan peribadi manusia. Dari segi dalaman, ia berkait dengan persoalan penyucian hati yang melahirkan insan berhati mulia. Ia akan dijelmakan melalui tingkah laku luaran yang terhasil daripada hati yang bersih. Oleh sebab ini jugalah, Rasulullah s.a.w. diutuskan untuk umat manusia seluruhnya bagi memberi contoh dan teladan supaya peribadi Baginda menjadi ikutan di samping tugas utama Baginda iaitu menyeru manusia supaya mentaati perintah Allah S.W.T. sebagaimana firman-Nya:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ﴿٤﴾

Dan sesungguhnya kamu benar-benar berbudi pekerti yang agung.<sup>1</sup>

Surah al-Qalam (68): 4

Contoh dan teladan yang ditunjukkan oleh Baginda telah disebut supaya menjadi ikutan kepada umatnya dan hal ini dinyatakan dengan jelas di dalam al-Qur'an:

---

<sup>1</sup> Imam al-Ṭabārī di dalam tafsirnya menyatakan “*khuluq al-‘aẓīm*” di dalam ayat ini bermaksud “*adab al-‘aẓīm*” iaitu adab al-Qur'an yang dididik Allah dengannya iaitu Islam dan syariatnya. Lihat Abī Ja'far Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabārī(2001), *Tafsir al-Ṭabārī*, j. 23, Kaherah: Markaz al-Buḥūth wa al-Dirāsāt al-‘Arabiyyah al-Islāmiyyah. h.150.

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ  
كَثِيرًا

Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu (yaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan dia banyak menyebut Allah

Surah al-Ahzab (33): 21

Selain itu, Rasulullah s.a.w. sendiri telah menegaskan bahawa Baginda diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia:

انما بعثت لأتمم مكارم الأخلاق

Sesungguhnya aku diutus untuk menyempurnakan akhlak yang mulia.<sup>2</sup>

Selain itu, pembentukan peribadi Rasulullah s.a.w. yang dibina secara langsung oleh Allah S.W.T.<sup>3</sup> sejak sebelum Baginda diutuskan telah menjadikan Baginda sebagai seorang pendidik yang sangat berwibawa dan mampu memberi kesan mendalam kepada manusia di sekelilingnya.<sup>4</sup> Pembentukan peribadi Baginda sejak kecil dapat dilihat melalui pendidikan yang diterimanya. Malah Baginda telah diberi gelaran *al-Amīn*<sup>5</sup> kerana akhlaknya yang baik, kebenaran dan kejujurannya serta terpelihara daripada kemungkaran sebagaimana Baginda terpelihara daripada penyembahan berhala dan segala perkara batil yang dilakukan

<sup>2</sup> Al-Bayhaqī, Abī Bakr Aḥmad bin al-Ḥusīn bin ‘Alī (2003), *Sunan al-Kubrā*, “Bāb Bayān Makārim al-Akhlāq wa Ma‘ālīhā”, no. hadith 20782, j.10. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h.323.

<sup>3</sup> Abdullah al-Qari bin Haji Salleh (1991), *Muhammad Rasulullah*. Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn Bhd. h. 69; Ṣafī al-Raḥmān al-Mubārakfūrī (2004), *al-Raḥīq al-Makhtūm*. Riyadh: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī‘, h. 583. Terdapat sebuah hadith yang menyatakan tentang Baginda dididik oleh Allah dengan didikan yang baik.

"ادبني ربي فاحسن تأديبي". Walau bagaimanapun, hadith ini disebut sebagai hadith dhaif kerana sanadnya tetapi maknanya sahih. Lihat Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Raḥmān al-Suyūṭī (1994), *Jāmi‘ al-Aḥādīth*, “al-hamzah ma‘a al-dāl” j.1, Beirut: Dār al-Fikr, h.88; Ismā‘īl bin Muḥammad al-‘Ajlūnī al-Jarahī (t.t), *Kashf al-Khafā’ wa Muzayl al-Ilbās*, “al-hamzah ma‘a al-dāl al-muḥmalah”, no hadith 164, j.1, t.t.p: Maktabah al-‘Ilm al-Ḥadīth, h. 84, 85.

<sup>4</sup> Ṣafī al-Raḥmān al-Mubārakfūrī (2004), *op.cit.*, h. 494-497.

<sup>5</sup> *Ibid.*, h. 74, 75. Dalam peristiwa *Binā‘ al-Ka‘bah wa Qaḍīyah al-Taḥkīm*, Rasulullah s.a.w. telah diberi kepercayaan untuk meletakkan *Ḥajar al-Aswād*. Kepercayaan ini diberi oleh kabilah yang bertelagah. Rasulullah s.a.w. telah diberi kepercayaan untuk membuat keputusan kerana beliau telah dikenal sebagai *al-Amīn*. Baginda tidak pernah melakukan khianat dalam hal kehormatan, ucapan dan perbuatan sehingga diakui sebagai *al-Amīn*.

oleh kaumnya seperti minum arak dan berjudi<sup>6</sup>. Sejak kecil, Baginda telah dilatih dengan pekerjaan yang baik dan halal yang antara lainnya Baginda terlibat dengan pekerjaan mengembala kambing. Perkara ini terakam dalam sebuah Hadith yang berbunyi:

ما من النبي الا وقد رعى الغنم فقالوا : ولا أنت يا رسول الله ؟ فقال : ولا انا فقد كنت أرهاها على قراريط لأهل مكة

Nabi s.a.w telah bersabda, “Tidak ada seorang nabi pun kecuali ia pernah mengembala kambing.” Mereka bertanya, “Apakah Engkau juga demikian ya Rasulullah?” Baginda menjawab, “Aku pun demikian. Aku mengembala kambing penduduk Mekah dengan beberapa *qarārīṭ*”<sup>7</sup>

Pekerjaan sebegini telah menatijahkan pelbagai akhlak yang mulia sebagai latihan sebelum diangkat menjadi Rasul. Ini kerana ia mampu membentuk peribadi yang mulia seperti sabar, *al-hilm*, *al-shufqah*. Sifat-sifat ini lahir daripada hikmah di sebalik pekerjaan Baginda s.a.w. sewaktu kecilnya.<sup>8</sup>

Sebagai seorang hamba Allah dan umat Nabi Muhammad s.a.w., seseorang insan itu perlulah menjadikan perintah Allah dan RasulNya itu sebagai suatu yang utama dan wajib dituruti. Ianya sebagaimana telah disebut di dalam al-Qur’an:

قُلْ يَتَّيِّهَا النَّاسُ إِنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ جَمِيعًا الَّذِي لَهُ مُلْكُ السَّمَوَاتِ  
وَالْأَرْضِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ يُحْيِي وَيُمِيتُ فَآمِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ الَّذِي  
يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَكَلِمَتِهِ وَأَتَّبِعُوهُ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ

Katakanlah: "Hai manusia Sesungguhnya Aku adalah utusan Allah kepadamu semua, yaitu Allah yang mempunyai kerajaan langit dan bumi; tidak ada Tuhan (yang berhak disembah) selain Dia, yang menghidupkan dan mematikan, Maka berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya,

<sup>6</sup> Abū Bakr Jābir al-Jazāirī (2000) *Hadhā al-Ḥabīb Muḥammad Rasūlullah s.a.w Yā Muḥib*. Madīnah: Maktabah al-‘Ulūm wa al-Ḥikam. h.60; Abī ‘Abd al-Raḥmān Nu`mān bin ‘Abd al-Karīm al-Watr (2008), *al-Nabī Muḥammad*. Iskandariah: Dār al-Imān, h. 35.

<sup>7</sup> Al-Bukhārī, Abī ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘īl bin Ibrāhīm bin al-Mughīrah bin Bardizbah (2000), “*Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*”, *Mawsū‘ah al-Ḥadīth al-Sharīf*, no. hadith 2262, Bāb Ra‘i al-Ghanam ‘alā Qarārīṭ. Riyadh: Dār al-Salām. h. 175.

<sup>8</sup> Abī Abd al-Raḥmān Nu`mān bin ‘Abd al-Karīm al-Watr (2008), *op.cit.*, h. 35-37.

nabi yang ummi yang beriman kepada Allah dan kepada kalimat-kalimat-Nya (kitab-kitab-Nya) dan ikutilah Dia, supaya kamu mendapat petunjuk".

Surah al-A'raf (7) : 158

Akhlak Baginda perlulah menjadi ikutan setiap insan yang mengharapkan keredhaan Allah dan sentiasa berusaha untuk memperbaiki diri dari semasa ke semasa. Jika dilihat daripada sirah Rasulullah s.a.w., maka kejayaan Baginda dapat dilihat kerana telah melahirkan dan membentuk umat Islam di zamannya yang terdiri dalam kalangan sahabat mahupun pengikut yang dihiasi dengan akhlak yang mulia.<sup>9</sup>

Para sahabat Baginda yang terdiri daripada pelbagai latar kehidupan telah berjaya dididik bertunjangkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah S.W.T. beserta penerapan nilai akhlak yang antara lainnya terakam dalam kisah Bilāl bin Rabah yang telah disiksa oleh Umayyah bin Khalaf supaya beliau meninggalkan agamanya.<sup>10</sup> Ketika menghadapi situasi menyeksakan ini, Bilal tetap dengan pendiriannya. Kesabaran Bilāl ini adalah bertitik tolak dari keimanan dan ketaqwaannya kepada Allah.

Abū Nu‘aym dalam *al-Hilyah al-Awliyā’* menyatakan daripada ‘Abdullāh bin ‘Umar r.a. yang berkata:

“Tiga orang yang paling terkemuka dalam kalangan suku Quraisy yang baik akhlaknya, dan memiliki sifat al-ḥayā’, apabila mereka berkata-kata mereka tidak berdusta dan apabila mereka sampai kebenaran mereka tidak mendustakannya, mereka ialah Abū

---

<sup>9</sup> Dalam sebuah kisah ketika Khalifah Abū Bakr al-Ṣiddīq menjadi khalifah, beliau kebiasaannya akan mengimami solat zuhur dan pada suatu hari, beliau mendapati seorang wanita tua yang buta tidak hadir. Lalu selepas solat beliau mencari wanita itu lalu mendapati bahawa wanita itu sakit dan sudah terlalu tua untuk hadir solat berjemaah. Khalifah Abū Bakr telah mengambil keputusan untuk menolong wanita tersebut setiap hari. Saidina `Umar menyedari akan kehilangan Khalifah Abū Bakr selepas solat Zuhur setiap hari dan akhirnya mengetahui apa yang telah dilakukan oleh Khalifah Abū Bakr. Apabila ditanya kepada wanita tua itu, siapa yang menolongnya setiap hari, wanita itu tidak menyedari bahawa seorang khalifah yang telah membantu urusannya setiap hari. Lihat Khalid Muhammad Khalid (2005), *Men Around the Messenger*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust, h. 7.

<sup>10</sup> Khālid Muḥammad Khālid (1968), *Rijāl Hawl al-Rasūl*. Kaherah: Dār al-Kutub al-Hādithah. h. 118.

Bakr al-Şiddīq, ‘Uthmān bin ‘Affān dan Abū ‘Ubaydah al-Jarrah’.<sup>11</sup>

Ini adalah antara contoh hasil didikan Rasulullah s.a.w. yang tidak pernah jemu untuk membawa umat manusia ke jalan yang benar dan diredhai oleh Allah.

Jika dilihat dalam konteks umat Islam pada zaman ini, sirah Rasulullah s.a.w. adalah suatu yang relevan dan perlu diambil pengajaran dan didedahkan kepada umat Islam. Ianya secara tidak langsung akan dapat membantu membentuk umat Islam yang mempunyai keperibadian yang tinggi. Dalam pada itu modal insan yang dapat dibangunkan adalah sejajar dengan kehendak Islam.

Seseorang insan itu apabila dikesani oleh akhlak Islamiyah yang sempurna serta istimewa, maka ia akan mendorong seseorang itu bersikap baik serta tidak lagi melakukan penyelewengan terhadap perintah Allah S.W.T. Maka sudah pasti ia akan membawa kepada keharmonian dan ketenteraman malah ketenangan serta kebahagiaan dalam hidup.<sup>12</sup>

Dalam merangka sebuah negara yang maju dan seimbang, faktor penjanaan modal insan merupakan sebahagian daripada instrumen penting yang perlu diberi perhatian serius dalam usaha untuk melahirkan insan yang berkualiti dan memiliki kerangka hati budi yang unggul.<sup>13</sup> Usaha untuk membentuk insan berperibadi mulia dan cemerlang memerlukan kepada latihan jiwa atau *riyāḍah al-nafs*. Menurut Ibn Miskawayh, akhlak seseorang individu itu bersifat responsif terhadap latihan dan kebiasaan yang membolehkan akhlak

---

<sup>11</sup> Al-Asbahānī, Abū Nu‘aym Aḥmad bin ‘Abdullāh (1967), *Ḥilyah al-Awliyā’ wa Tabaqāt al-Aşfiyā’*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Arabī.h.56; Muḥammad Yūsuf al-Kandahlawī(1979), *Ḥayāh al-Şahābah*, j. 2. Halib: Dār al-Wā’i. h. 353.

<sup>12</sup>Asming Yalawee dan Ahmad Farid Bin Ibrahim (2007),” Akhlak Warisan Rasulullah S.A.W Membawa Kemuliaan Umat”, *Jurnal Usuluddin*, bil. 26. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. h. 71.

<sup>13</sup>Fadzli Adam *et al.* (2006), “Memperkasa Modal Insan: Beberapa Pendekatan Strategi”, Asyraf Haji Abdul Rahman *et al*, *Modal Insan dan Pembangunan Masa Kini*. Kuala Terengganu: Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, KUSTEM. h. 8.

yang buruk boleh diubah dengan proses ini.<sup>14</sup> Al-Ghazālī sebagai contoh telah mengetengahkan kaedah *mujāhadah* dan *riyāḍah* dalam usaha untuk menjadikan akhlak yang terpuji sebagai suatu tabiat dan kebiasaan dan perubahan ini berdasarkan tuntutan yang selaras dengan akal dan syarak.<sup>15</sup> Malahan, ia akan dapat menghasilkan akhlak yang baik dan dalam masa yang sama akhlak yang buruk dapat dijauhi serta dibuang.

Pembangunan manusia meliputi dua aspek utama iaitu pembangunan aspek fizikal dan kerohanian.<sup>16</sup> Islam sebagai satu cara hidup yang lengkap dan sempurna telah mengingatkan umat manusia supaya sentiasa mengimbangi keperluan dan kehendak rohani (jiwa) dengan jasmani (jasad) secara adil bagi memperolehi ketenangan diri yang dizahirkan melalui akhlak yang mulia.<sup>17</sup> Dalam setiap diri individu manusia itu sendiri mempunyai potensi untuk membangunkan diri dengan akhlak yang mulia dan nilai-nilai kerohanian ini yang akan memandu manusia dalam segala aktiviti dan tindakannya. Nilai-nilai ini juga merupakan garis panduan yang membataskan tindakan hawa nafsu manusia.<sup>18</sup>

Pembangunan modal insan seperti yang dianjurkan dalam Islam adalah bermula dengan didikan sejak dari kecil oleh kedua ibu bapa yang mana ia akan memberi kesan terhadap peribadi individu. Sesuatu kebiasaan yang telah dilatih akan menjadi mudah untuk dilaksanakan. Oleh itu, ramai ulama silam di dalam bidang tasawwuf umumnya

---

<sup>14</sup>Ibn Miskawayh, Abī ‘Alī Aḥmad bin Muḥammad bin Ya`qūb al-Rāzī (t.t.), *Tahdhīb al-Akhlāq*. Beirut: Dār Maktabah al-Ḥayāh. h. 51; Mohd Nasir Omar (2005), *Akhlak dan Kaunseling Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd. h. 149.

<sup>15</sup> Al-Ghazālī (2001), *Iḥyā’ Ulūm al-Dīn*, j. 3. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah. h. 51-53.

<sup>16</sup> Muhammad Nubli Abdul Wahab (2007), “Proses Pembangunan Modal Insan”, Ahmad Fazullah Mohd Zainal Abidin *et al.*, *Modal Insan*. Pahang: Universiti Malaysia Pahang. h. 14.

<sup>17</sup>Muḥammad ‘Uthmān Najātī (2005), *al-Ḥadīth al-Nabawī wa ‘Ilm al-Nafs*. Kaherah: Dār al-Shurūq. h. 248-253; Muḥammad ‘Uthmān Najātī (2005), *al-Qur’ān wa ‘Ilm al-Nafs*. Kaherah: Dār al-Shurūq. h. 230, 231; Ratna Roshida Abd Razak (2006), “Modal Insan Aset Utama Pembentukan Tamadun Bangsa”, Mohd Roslan Mohd Nor dan Ahmad Zaki Berahim @ Ibrahim, *Pembangunan Modal Insan & Tamadun dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam. h. 23.

<sup>18</sup>Ibn Miskawayh (t.t), *op.cit.*, h. 37-39 ; al-Ghazālī (2001), *op.cit.*, h. 49-51; Zakaria Stapa (2004), “Tasawwuf dan Pembangunan Hakiki Ummah”, Wan Suhaimi Wan Abdullah dan Che Zarrina Sa‘ari (eds.), *Tasawwuf dan Ummah*. Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam. h. 59-61; Ratna Roshida Abdul Razak (2006), *op.cit.*, h.23.

seperti Abū Ṭālib al-Makkī<sup>19</sup>, al-Muḥāsibī<sup>20</sup>, al-Qushayrī<sup>21</sup> serta bidang akhlak khususnya seperti Ibn Miskawayh<sup>22</sup>, Ibn Ḥazm<sup>23</sup> dan al-Ghazālī<sup>24</sup> serta al-Māwardī<sup>25</sup> telah menggariskan pelbagai bentuk adab dan akhlak yang selari dengan tuntutan al-Qur'an dan Hadith dalam usaha melahirkan insan atau individu yang diredhai Allah. Dan semua bentuk akhlak dan adab ini adalah berpandukan akhlak Nabi Muhammad s.a.w.

Salah seorang tokoh yang dilihat turut menyumbang dalam bidang akhlak ialah Abū al-Ḥassan al-Māwardī atau lebih dikenali dengan al-Māwardī. Walaupun beliau lebih dikenali sebagai pakar di dalam bidang fiqh al-Syafie dan juga kenegaraan, beliau juga merupakan antara tokoh ulama silam yang turut menukulkan karya mengenai akhlak seperti yang terdapat pada kitabnya *Adab al-Dunyā wa al-Dīn*. Oleh kerana sumbangan al-Māwardī lebih dilihat di dalam bidang fiqh dan siyasah, maka sudah sampai masanya untuk

---

<sup>19</sup> Abī Ṭālib Muḥammad bin Abī al-Ḥasan ‘Alī Ibn ‘Abbas al-Makkī telah mengarang sebuah kitab yang bertajuk *Qūt al-Qulūb Fī Mu‘āmalat al-Maḥbūb wa wasf Ṭarīq al-Murīd ilā Maqām al-Tawḥīd*. Di dalam kitab ini, al-Makkī membincangkan mengenai amalan-amalan yang berkaitan dengan pembangunan kerohanian ahli sufi yang melibatkan soal ibadah seperti solat, tilawah dan lain-lain, konsep-konsep yang terdapat di dalam ilmu tasawuf, prinsip-prinsip Islam, akidah dan syariah. Ia memberi garis panduan tentang hubungan antara Tuhan dengan manusia dan memberi suatu penjelasan tentang lorong yang harus diikuti oleh seorang murid dalam usaha untuk mencapai *maqam* tauhid. Lihat M. A. M Syukri (1997), “Abu Talib al-Makki dan kitab beliau *Qut al-Qulub*”, Zakaria Stapa (1997), *Akidah dan Tasawuf*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri. h. 136.

<sup>20</sup> Antara kitab karangannya ialah *al-Ri‘āyah li Ḥuqūq Allāh* yang membicarakan mengenai memelihara hak Allah serta beberapa perbincangan yang telah dibahagikan, perbincangan mengenai *riyā’*, *ma’rifah al-nafs*, *‘ujub*, *al-kibr*, *al-ghurrah*, *al-ḥasad* dan *ta’dīb al-murīd*.

<sup>21</sup> Al-Qushayrī atau nama sebenarnya ‘Abd al-Karīm bin Hawāzin bin ‘Abd al-Malik bin Talḥah bin Muḥammad dikenali dengan kitab yang bertajuk *al-Risālah al-Qushayriyyah* yang membahaskan mengenai akidah ahli tasawuf, guru-guru tarekat, istilah-istilah ahli tarekat, *maqāmāt*, *aḥwāl*, *karāmah* dan adab-adab ahli sufi.

<sup>22</sup> Beliau yang dikenali sebagai tokoh falsafah akhlak dengan karyanya *Tahdhīb al-Akhlāq*. Karya ini menyentuh tentang perbincangan falsafah akhlak yang merangkumi definisi, hakikat kejiwaan, konsep kebaikan dan keburukan, *fada’il*, *al-sa`ādah*, akhlak dan keadilan, persahabatan dan nilai kecintaan. Selain itu perbincangannya meliputi metode pembinaan sahsiah diri yang merangkumi pendidikan kanak-kanak dan remaja, penyakit-penyakit jiwa serta cara mengubatnya, perbincangan mengenai akhlak semulajadi atau suatu usaha, menuju ke arah kesempurnaan dan memelihara kesihatan jiwa.

<sup>23</sup> Nama sebenarnya ialah Abū Muḥammad ‘Alī bin Aḥmad bin Sa`īd bin Hazm. Kitab *al-Akhlāq wa al-Siyar* dikarang bertujuan untuk memberi manfaaat kepada semua dan memperbaiki keburukan akhlak serta menghilangkan penyakit-penyakit hati yang terdapat pada manusia. Lihat Ibn Ḥazm (1961), *Kitāb al-Akhlāq wa al-Siyar*. Beirut: al-Lajnah al-Dawliyyah li Tarjamah al-Rawā‘i. h. 12.

<sup>24</sup> Al-Ghazālī telah mengarang pelbagai kitab yang berkaitan dengan akhlak dan tasawuf antaranya *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, *Mīzān al-‘Amal*, *Mukāshafah al-Qulūb* dan *al-Arbā‘in fī Uṣūl al-Dīn*.

<sup>25</sup> *Adab al-Dunyā wa al-Dīn* merupakan karyanya yang dikenali di dalam bidang akhlak. Selain itu, di dalam *Tashīl al-Nazar wa Ta’jīl al-Zufr*, Al-Māwardī turut membincangkan mengenai perbincangan konsep akhlak selain menyentuh mengenai akhlak pemerintah.

mengetengahkan pula sumbangan beliau dalam bidang akhlak. Ia juga bertitik tolak daripada kekurangan kajian ilmiah terhadap sumbangan pemikiran al-Māwardī dalam bidang akhlak, apatah lagi yang menfokuskan kepada penggalian pemikirannya daripada karya *Adab al-Dunyā wa al-Dīn*. Malah ciri-ciri pemikiran al-Māwardī yang sedia terkenal dalam bidang fiqh Syafi'e dan kenegaraan mungkin menyumbang kelainan dalam pembentukan pemikiran akhlaknya yang tertuang dalam karya ini.

Selain justifikasi di atas, karya ini juga dipilih sebagai fokus dan subjek kajian penulis kerana keunikan konsep penulisannya. Corak penulisan akhlak dalam karya ini selain daripada berpandukan kepada dua rujukan utama umat Islam iaitu al-Qur'an dan Hadith, ia juga turut mendatangkan syair-syair, perumpamaan dan kata-kata ahli bahasa, hukama serta ulama terdahulu. Pendekatan yang digunakan dalam menerangkan tentang sesuatu perkara secara langsung dengan mendatangkan pendapat dan kisah-kisah yang boleh di ambil iktibar dan pemahaman melaluinya amatlah menarik untuk dikaji secara ilmiah. Justeru penelusuran pemikiran akhlak beliau melalui analisis kandungan teks untuk menghasilkan suatu panduan alternatif supaya dapat dimanfaatkan oleh umat manusia bagi pembangunan modal insan khususnya yang bersifat kerohanian akan cuba dilakukan.

Perbahasan di dalam karya *Adab al-Dunyā wa al-Dīn* ini merangkumi lima fokus utama iaitu keutamaan akal dan keburukan al-hawa, *adab al-'ilm*, *adab al-dīn*, *adab al-dunyā* dan juga *adab al-nafs*. Mengenai *adab al-nafs* ini diperincikan oleh al-Māwardī dengan dua pembahagian di dalam kategori pendidikan yang perlu dilazimi ketika dewasa hingga usia tua iaitu *adab al-muwāḍa'ah wa al-iṣṭilāḥ* dan juga *adab al-riyāḍah wa al-istiṣlāḥ*. Walaubagaimanapun, kajian ini hanya menumpukan kepada konsep pembangunan modal insan melalui *adab al-riyāḍah wa al-istiṣlāḥ* yang telah diketengahkan oleh al-Māwardī.



### **3.0 PERMASALAHAN KAJIAN**

Dalam kajian ini terdapat beberapa permasalahan yang mendorong kepada kajian ini dijalankan serta akan diteliti oleh penulis iaitu:

1. Siapakah al-Māwardī dan apakah sumbangan beliau dalam bidang akhlak?
2. Bagaimanakah konsep *Adab al-Riyāḍah wa al-Istiṣlāh* yang diketengahkan oleh al-Māwardī dalam kitab *Adab al-Dunyā wa al-Dīn*?
3. Apakah perkaitan antara *Adab al-Riyāḍah wa al-Istiṣlāh* anjuran al-Māwardī dengan pembangunan modal insan?

### **4.0 OBJEKTIF KAJIAN**

Berdasarkan permasalahan kajian yang dikemukakan di atas, kajian ini telah menggariskan beberapa objektif kajian seperti berikut:

1. Membincang ketokohan al-Māwardī dalam bidang akhlak Islam.
2. Mengkaji pemikiran al-Māwardī tentang *Adab al-Riyāḍah wa al-Istiṣlāh* berdasarkan karya *Adab al-Dunyā wa al-Dīn*
3. Menganalisis perkaitan antara *Adab al-Riyāḍah wa al-Istiṣlāh* anjuran al-Māwardī dengan pembangunan modal insan.

### **5.0 HURAIAN TAJUK**

Sesebuah kajian yang baik memerlukan huraian lebih lanjut mengenai istilah utama yang digunakan dalam kajian. Oleh itu, bahagian ini akan menghuraikan istilah-istilah penting yang terdapat di dalam tajuk kajian supaya kefahaman yang jitu dan tepat tentang kajian yang dilakukan dapat digarap dengan baik dan jelas. Kajian ini bertajuk *Adab al-*

*Riyāḍah wa al-Istiṣlāḥ* dalam Pembangunan Modal Insan menurut al-Māwardī dalam karya *Adab al-Dunyā wa al-Dīn*. Justeru, istilah-istilah seperti *Adab al-Riyāḍah wa al-Istiṣlāḥ*, Pembangunan Modal Insan, al-Māwardī dan *Adab al-Dunyā wa al-Dīn* akan dihurai satu persatu.

*Adab al-riyāḍah wa al-istiṣlāḥ* merupakan salah satu daripada adab yang dikategorikan oleh al-Māwardī di dalam adab yang perlu dilazimi oleh insan ketika dewasa di bawah bab *adab al-nafs* di dalam *Adab al-Dunyā wa al-Dīn*. Adab ini merupakan sesuatu yang dibentuk oleh suatu keadaan yang seiring dengan akal yang mana ahli fikir tidak berselisih pendapat tentang baik dan buruknya aturan tersebut kerana ia mempunyai alasan dan dalil tersendiri. Dalam hal ini, jiwa manusia dapat mengakui dan menerima adab ini kerana Allah S.W.T. telah mengilhamkan kepada jiwa sebagai petunjuk tentang kebenaran aturan tersebut.<sup>26</sup> Adab ini boleh dibahagikan kepada enam jenis iaitu *al-kibr wa al-i'jāb*, *ḥusn al-khuluq*, *al-hayā'*, *al-ḥilm wa al-ghaḍab*, *al-ṣidq wa al-kadhb* dan *al-ḥasad wa al-munāfasah*. Adab inilah yang akan menjadi fokus perbincangan kajian ini.

Pembangunan modal insan pula membawa maksud membangunkan rakyat dengan penguasaan ilmu pengetahuan, pengamalan nilai-nilai murni, mempunyai jiwa yang bercita-cita tinggi, cinta negara dan memiliki kekuatan fizikal dan spiritual.<sup>27</sup> Ia merupakan keupayaan manusia dalam memaksimumkan penggunaan diri bagi mencapai sesuatu yang terbaik dalam segala aspek kehidupan berlandaskan nilai-nilai kemanusiaan yang didapati daripada ajaran Islam.<sup>28</sup> Walaupun, pembangunan insan melibatkan bermacam aspek

---

<sup>26</sup> Al-Māwardī, Abū al-Ḥassan 'Alī al-Baṣrī(1986), *Adab al-Dunyā wa al-Dīn*. Beirut: Dār Maktabah al-Hayāh. h. 234.

<sup>27</sup> Abd Rahman bin Ahmad (2006), *Pembangunan Modal Insan*. Kuala Lumpur: Human Resources Academy. h. 58.

<sup>28</sup> Ratna Roshida Abd Razak (2006), *op.cit.*, h. 22.

kehidupan manusia, kajian ini hanya akan menekankan pembangunan modal insan dari aspek kerohanian sahaja.

Al-Māwardī atau nama sebenarnya ‘Alī bin Muhammad bin Habīb al-Qāḍī Abū al-Ḥassan al-Māwardī al-Baṣrī<sup>29</sup> dilahirkan pada 364 Hijrah<sup>30</sup> merupakan tokoh ulama Islam terkenal yang dipilih menjadi fokus kajian ini. Beliau telah dibesarkan dalam keluarga yang sememangnya mencintai ilmu. Beliau telah menuntut ilmu kepada Abū al-Qāsim al-Ṣaymirī dan telah berhijrah ke Baghdad setelah gurunya itu meninggal dunia. Di sana, beliau telah menjadi anak murid kepada Imām Abī Ḥāmid al-Isfarāyīnī. Ketokohan dan kepakaran beliau dapat dilihat melalui karya-karyanya dalam pelbagai bidang antaranya *Adab al-Dunyā wa al-Dīn*, *al-Ahkām al-Sultāniyyah*, *al-Hāwī*, *Naṣīhat al-Mulk* dan banyak lagi.<sup>31</sup>

*Adab al-Dunyā wa al-Dīn* merupakan antara salah satu kitab yang ditulis oleh al-Māwardī yang membincangkan mengenai pembentukan individu dan masyarakat. Ianya ditulis bersumberkan al-Qur’an dan Hadith dan juga pendapat yang masyhur. Perbincangan di dalam kitab ini meliputi akhlak dan adab yang mengandungi bab tentang kelebihan akal dan keburukan nafsu, *adab al-‘ilm*, *adab al-dīn*, *adab al-dunyā* dan yang terakhir sekali ialah *adab al-nafs* yang terbahagi kepada *adab al-muwāḍa’ah wa al-iṣṭilāh* dan juga *adab al-riyāḍah wa al-istiṣlāh* yang mana masing-masing mempunyai pembahagian tersendiri.<sup>32</sup> Kajian ini hanya memilih *adab al-riyāḍah wa al-istiṣlāh* sebagai fokus kajian.

Justeru dapat disimpulkan bahawa kajian ini akan menganalisis pemikiran akhlak al-Māwardī menerusi karyanya *Adab al-Dunyā wa al-Dīn Adāb* yang asalnya mengandungi

---

<sup>29</sup> Al-Shaykh Kāmil Muḥammad Muḥammad ‘Uwayḍah (1996), *al-Māwardī*. Lubnān: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah. h. 16.

<sup>30</sup> *Ibid.*, h.17.

<sup>31</sup> Huraian lanjut mengenai latarbelakang Al-Māwardī di dalam bab yang kedua.

<sup>32</sup> *Ibid.*, h. 24-25.

pelbagai kategori akhlak Islamiah dengan hanya menfokuskan kepada satu adab sahaja iaitu berkenaan *adab al-riyāḍah wa al-istiṣlāh* untuk melihat hubungkaitnya dengan pembangunan modal insan dari aspek kerohanian sahaja.

## **6.0 SKOP KAJIAN**

Perbincangan di dalam kajian ini memberi fokus kepada *adab al-riyāḍah wa al-istiṣlāh* sebagaimana yang telah disebut oleh al-Māwardī di dalam kitabnya *Adab al-Dunyā wa al-Dīn*. Keenam-enam perkara yang terdapat di dalam *adab al-riyāḍah wa al-istiṣlāh* ini akan dihuraikan dan dibincangkan perkaitannya dengan pembangunan modal insan dari aspek pembangunan kerohanian bagi membentuk insan yang cemerlang dari segi peribadi dan akhlak. Justifikasi pemilihan kitab *Adab al-Dunyā wa al-Dīn* oleh penulis adalah kerana kajian dan perbincangan ilmiah mengenainya masih kurang dan kebanyakan perbincangan mengenai kitab ini disentuh secara umum sahaja. Selain itu, tokoh yang dipilih oleh penulis ini juga lebih dikenali dalam bidang politik dengan karyanya *Ahkām al-Sulṭaniyyah* berbanding karya *Adab al-Dunyā wa al-Dīn*. Oleh kerana perbincangan mengenai adab dalam karyanya ini luas, maka kajian penulis hanya akan memfokuskan kepada *adab al-riyāḍah wa al-istiṣlāh* sahaja kerana ia adalah suatu adab yang menghubungkan antara kehidupan individu dan juga mesyarakat di samping banyak perkara yang boleh dibincang mengenainya terutama bagi melihat perkaitan antara adab tersebut dengan pembangunan kerohanian modal insan.

## **7.0 KEPENTINGAN KAJIAN**

Dalam usaha untuk membentuk modal insan yang mengikut syariat dan perintah Allah, adalah penting untuk diterapkan nilai akhlak yang mulia dan didikan akhlak yang sempurna sebagai latihan. Para ulama terdahulu telah menggariskan pelbagai metodologi dalam

pendidikan anak-anak terutama sejak dari kecil lagi. Ianya penting untuk membina sebuah umat yang berkeperibadian tinggi serta mempunyai nilai-nilai murni dalam diri.

Al-Māwardī merupakan salah seorang tokoh ulama Islam yang terkemuka dan masyhur. Beliau turut memberi sumbangan melalui penulisannya tentang adab melalui karyanya *Adab al-Dunyā wa al-Dīn*. Perbincangan mengenai *adab al-riyāḍah wa al-istiṣlāḥ* ini perlu dikaji dengan teliti kerana ia merupakan satu modul pembentukan peribadi Mukmin yang boleh membangunkan aspek kerohanian umat Islam yang mana ianya akan memberi kesan yang mendalam dalam usaha membentuk insan berkeperibadian tinggi.

Oleh itu, kajian ini penting untuk memberi penekanan kepada adab yang telah dikemukakan oleh al-Māwardī kerana ianya merupakan antara sumbangan beliau dalam memperkembangkan ilmu secara umumnya dan akhlak secara khususnya. Selain itu, kajian ini penting untuk menggalakkan pendidikan kerohanian kepada masyarakat bermula dari pengenalan kepada kanak-kanak secara umum tentang kebaikan dan keburukan sesuatu sifat serta pendidikan yang berterusan kepada golongan dewasa dalam usaha membentuk insan atau masyarakat yang mengikut acuan Islam yang terdidik rohaninya.

Dalam usaha membentuk generasi yang terdidik rohani mengikut acuan Islam, kajian ini dilihat merupakan suatu sumbangan dalam mengetengahkan anjuran ulama silam dalam karya mereka seperti al-Māwardī dalam membentuk masyarakat yang berakhlak mulia dan jauh dari akhlak yang buruk. Pendekatan al-Māwardī dalam usaha membentuk rohani insan dapat dimanfaatkan dalam usaha mendidik generasi kini yang mana pembangunan rohani perlu selaras dengan pembangunan fizikal kerana kedua-duanya merupakan tuntutan agama. Kepincangan rohani akan menyebabkan berlakunya ketidakseimbangan dalam kehidupan seseorang individu. Justeru, masyarakat awam sama

ada secara peribadi mahupun keluarga dan kelompok boleh merujuki perbincangan ini bagi mengembangkan ilmu dalam bidang pembangunan diri. Di samping pihak-pihak tertentu sama ada kerajaan yang melibatkan pegawai-pegawai agama di majlis-majlis agama dan juga jabatan-jabatan agama mahupun pihak-pihak NGO yang melibatkan diri dengan dakwah boleh turut merujuki hasil kajian ini.

## **8.0 KAJIAN LEPAS**

Terdapat beberapa penulisan ilmiah yang mempunyai kaitan serta boleh dijadikan panduan kepada penulis untuk menyelesaikan tugas kajian ilmiah ini. Penulis membahagikan kajian lepas ini kepada dua bahagian iaitu pertama mengenai pembangunan modal insan dan yang kedua pula berkenaan dengan tokoh yang dikaji iaitu al-Māwardī dan karyanya *Adab al-Dunyā wa al-Dīn*. Penulisan mengenai pembangunan modal insan antaranya ialah:

Sebuah artikel yang bertajuk “Kesan Kefahaman Konsep Takdir Terhadap Pembangunan Modal Insan” yang membincangkan mengenai hubungan antara kefahaman seseorang individu tentang konsep takdir dengan pembangunan dirinya sebagai modal insan. Selain itu artikel ini turut membincangkan mengenai persoalan takdir menurut Ahli Sunnah wa al-Jamaah dan hubungan antara kefahaman terhadap takdir dengan pembentukan pemikiran dan tingkah laku seorang pekerja Muslim dalam usaha untuk membentuk modal insan yang selaras dengan kehendak Islam dan Negara.<sup>33</sup>

Selain itu, terdapat juga beberapa buah buku mengenai modal insan antaranya ialah “*Modal Insan*” yang diterbitkan oleh Universiti Malaysia Pahang. Ianya menjelaskan

---

<sup>33</sup> Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman dan Che Zarrina Sa’ari, “Kesan Kefahaman Konsep Takdir Terhadap Pembangunan Modal Insan” dalam *Jurnal Usuluddin*. Bil. 27. Kuala Lumpur: Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 1-23.

mengenai konsep dan aplikasi modal insan serta isu-isu dan cabaran kontemporari pembangunan modal insan.<sup>34</sup>

“*Asas Pembangunan Modal Insan*” yang ditulis oleh Abdul Jalil Borham turut diterbitkan oleh Universiti Malaysia Pahang. Ianya dibahagikan kepada sembilan bab yang menyentuh soal konsep pembangunan modal insan, falsafah pendidikan kebangsaan dan proses pembangunan insan, “*al-falah*” tujuan hidup, “*traditional interaction theory*” persoalan akhlak, “*doctrine of the mean*” dan pembangunan sahsiah insan, nilai “*al-birr*” dan potensi insan, “*tazkiyah al-nafs*” mekanisme pembentukan sahsiah mulia, piawai pengukur kualiti dan proses pembentukan akhlak serta konsep dan kepentingan akhlak Islam dalam kehidupan masyarakat. Huraian dan kupasan buku ini mengenai pembangunan insan adalah bersumberkan karya al-Ghazālī.<sup>35</sup>

“*Pembangunan Modal Insan*” sebuah buku terbitan Human Resources Academy menerangkan mengenai pengertian modal insan dari perspektif Islam, hakikat memahami diri insan, membangunkan modal insan dari pelbagai aspek seperti pemikiran, emosi, fizikal dan kerohanian serta pengukuhan pembangunan modal insan.<sup>36</sup>

Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia pula telah menerbitkan sebuah buku yang bertajuk “*Modal Insan dan Pembangunan Masa Kini*”. Buku yang mengandungi empat belas bab ini telah disunting oleh Asyraf Haji Abdul Rahman, Fadzli Adam, Syahrin Said dan Ruzaini Sulaiman. Antara artikel yang menyentuh mengenai pembangunan modal insan secara langsung ialah “*Memperkasa Modal Insan: Beberapa Pendekatan Dan Strategi*”. Artikel ini membincangkan mengenai ciri-ciri pembangunan dan pembinaan

---

<sup>34</sup> Ahmad Fazullah Mohd Zainal Abidin *et al.* (2007), *Modal Insan*. Pahang: Universiti Malaysia Pahang.

<sup>35</sup> Abdul Jalil Borham (2008), *Asas Pembangunan Modal Insan*. Pahang: Universiti Malaysia Pahang.

<sup>36</sup> Abd Rahman bin Ahmad (2006), *Pembangunan Modal Insan*. Kuala Lumpur: Human Resources Academy.

sahsiah insan di samping cadangan kerangka konseptual dalam memperkasa modal insan.<sup>37</sup> Selain itu, terdapat juga perbincangan mengenai pendedahan falsafah kecerdasan, kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis yang mana keduanya ini sebagai pelengkap kepada pembangunan modal insan.<sup>38</sup> Artikel “*Pembangunan Insan Baik: Pengurusan Skima Martabat Ilmu dalam Islam*” pula mengetengahkan mengenai kepentingan pengurusan skima ilmu berdasarkan martabatnya yang sebenar. Pengurusan ilmu dalam kerangka pendidikan Islam juga disentuh dalam perbincangan serta matlamat pendidikan dalam Islam yang melahirkan insan yang baik.<sup>39</sup>

*Pembangunan Insan Aspirasi dan Realiti*<sup>40</sup> merupakan sebuah buku terbitan Kolej Dar al-Hikmah. Ianya membincangkan mengenai Pembangunan Modal Insan, perkembangan, cabaran dan implikasi<sup>41</sup> yang melibatkan konsep modal manusia (*human capital theory*) menurut perspektif Barat, perbincangan mengenai insan yang mempunyai dua unsur iaitu rohani dan jasmani berserta cabaran dan implikasinya.

Engku Ahmad Zaki Engku Alwi dengan buku yang bertajuk “*Membangun Modal Insan Melalui Pemantapan Akidah*” membincangkan mengenai perkara-perkara yang terdapat dalam akidah Islam seperti Rukun Iman, Rukun Islam. Usaha membangunkan

---

<sup>37</sup> Asyraf Haji Abdul Rahman, Fadzli Adam dan Ruzaini Sulaiman (2006), “Memperkasa Modal Insan: Beberapa Pendekatan dan Strategi”, dalam Asyraf Haji Abdul Rahman *et al.* (eds.) *Modal Insan dan Pembangunan Masa Kini*. Kuala Terengganu: Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM), h. 8-19.

<sup>38</sup> Madiah Mohd Shukri (2006), “Falsafah Kecerdasan dan Kemahiran Berfikir serta Sumbangannya Ke Arah Pembangunan Modal Insan”. dalam Asyraf Haji Abdul Rahman *et al.* (eds.) *Modal Insan dan Pembangunan Masa Kini*. Kuala Terengganu: Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM), h. 20-38.

<sup>39</sup> Ahmad Bazli Syafie (2006), “*Pembangunan Insan Baik: Pengurusan Skima Martabat Ilmu dalam Islam*”. dalam Asyraf Haji Abdul Rahman *et al.* (eds.) *Modal Insan dan Pembangunan Masa Kini*. Kuala Terengganu: Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM), h. 39-52.

<sup>40</sup> Ahmad Mohamad Said dan Khalidah Salekan (eds.) (2007), *Pembangunan Insan Aspirasi dan Realiti*. Selangor: Kolej Dar al-Hikmah.

<sup>41</sup> Ahmad Mohamad Said (2007). “Pembangunan Modal Insan, Konsep, Perkembangan, Cabaran dan Implikasi”, dalam Ahmad Mohamad Said dan Khalidah Salekan (eds.) (2007), *Pembangunan Insan Aspirasi dan Realiti*. Selangor: Kolej Dar al-Hikmah, h. 1-30.



modal insan melalui pemantapan akidah ditonjolkan di dalam buku ini dengan penerangan mengenai akidah Islam.<sup>42</sup>

“*Pembangunan Modal Insan Dan Tamadun Dari Perspektif Islam*” merupakan sebuah buku terbitan Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam yang menghimpunkan banyak artikel hasil daripada pembentangan seminar mengenai modal insan. Antara aspek-aspek yang dibincangkan di dalam buku ini adalah berkaitan dengan pembangunan modal insan ke arah kecemerlangan tamadun ummah, konsep dan model pembangunan modal insan dan tamadun, peranan dan cabaran pembangunan modal insan dan tamadun.<sup>43</sup>

Bahagian pertama di dalam buku ini berkaitan pembangunan modal insan ke arah kecemerlangan tamadun ummah. Antara artikel yang membincangkan mengenai modal insan ialah seperti yang ditulis oleh Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid yang membincangkan mengenai beberapa idea pembaharuan yang telah dikemukakan oleh Syeikh Muḥammad al-Ghazālī dalam beberapa buah tulisan beliau dalam usaha membangunkan kembali modal insan Muslim.<sup>44</sup>

Artikel yang ditulis oleh Ratna Roshida Abd Razak bertajuk “*Modal Insan: Aset Utama Pembentukan Tamadun Bangsa*” membincangkan mengenai modal insan yang perlu dibangunkan berdasarkan unsur utama manusia yang terdiri dari aspek rohani dan jasmani.

---

<sup>42</sup> Engku Ahmad Zaki Engku Alwi (2007), *Membangun Modal Insan Melalui Pemantapan Akidah*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

<sup>43</sup> Mohd Roslan Mohd Nor dan Ahmad Zaki Berahim @ Ibrahim (eds.) (2010), *Pembangunan Modal Insan dan Tamadun dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

<sup>44</sup> Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid (2010), “Membina Kembali Modal Insan Muslim”, dalam Mohd Roslan Mohd Nor dan Ahmad Zaki Berahim @ Ibrahim (eds.), *Pembangunan Modal Insan dan Tamadun Dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 1-18.

Modal insan menurutnya mempunyai perkaitan dengan pembentukan tamadun dengan pengimbangan antara pencapaian fizikal dan spiritual.<sup>45</sup>

Artikel “*Pembangunan Insan Melalui Pemeraksanaan Dakwah*” oleh Prof Dr Abdul Aziz Md Zin membincangkan mengenai peranan dakwah dalam pembangunan masyarakat dan Negara yang diteraskan di atas pembangunan insan. Ianya turut mengetengahkan penentuan matlamat dan halatuju dakwah yang turut dikaitkan dengan keperluan pembangunan insan kini dari aspek keperluan asas dan keperluan semasa serta dakwah masa kini dalam usaha membangunkan manusia.<sup>46</sup>

Artikel “*Melestari Pembangunan Manusia Ke Arah Penjanaan Modal Insan: Satu Tinjauan Umum Menurut Perspektif Al-Quran*” berkisar mengenai pembangunan modal insan yang bercitrakan petunjuk Ilahi iaitu al-Quran akan dapat membentuk generasi rabbani yang cemerlang dalam lapangan kehidupan. Ianya turut membincangkan secara ringkas konsep penjanaan modal insan menurut perspektif al-Qur’an, ciri-ciri pembangunan modal insan dan asas-asas pembangunan modal insan yang ditinjau dari aspek kerohanian.<sup>47</sup>

Artikel “*Pembangunan Modal Insan: Satu Analisa Dari Sirah Nabi*” oleh Norhayati Haji Hamzah membincangkan mengenai pembangunan modal insan yang telah diterapkan oleh Rasulullah s.a.w. dalam usaha dakwah di Makkah dari aspek akidah dan akhlak. Manakala usaha pembangunan modal insan di Madinah dilaksanakan melalui dua

---

<sup>45</sup> Ratna Roshida Abd Razak (2010), “Modal Insan: Aset Utama Pembentukan Tamadun Bangsa”, dalam Mohd Roslan Mohd Noor dan Ahmad Zaki Berahim @ Ibrahim (eds), *Pembangunan Modal Insan dan Tamadun Dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 19-32.

<sup>46</sup> Abdul Aziz Md Zin (2010), “Pembangunan Insan Melalui Pemeraksanaan Dakwah”, dalam Mohd Roslan Mohd Noor dan Ahmad Zaki Berahim @ Ibrahim (eds), *Pembangunan Modal Insan Dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h.33-41.

<sup>47</sup> Shuhairimi Abdullah et.al.,(2010), “Melestari Pembangunan Manusia Ke Arah Penjanaan Modal Insan: Satu Tinjauan Umum Menurut Perspektif Al-Quran”, dalam Mohd Roslan Mohd Nor dan Ahmad Zaki Berahim @ Ibrahim (eds), *Pembangunan Modal Insan dan Tamadun Dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h.67-81.

penekanan iaitu membina dan menyusun masyarakat dan Negara Islam serta memelihara dan mempertahankan masyarakat dan Negara Islam. Untuk mencapai kedua-dua matlamat ini, Rasulullah s.a.w. telah mengambil langkah antaranya dengan mendirikan masjid, mempersaudarakan golongan Ansar Muhajirin dan pembentukan ummah Islam, pembentukan Negara Islam Madinah serta meletakkan dasar-dasar politik, ekonomi dan sosial untuk masyarakat Islam.<sup>48</sup>

Bahagian ketiga buku ini merangkumi peranan dan cabaran pembangunan modal insan dan tamadun. Terdapat artikel yang berkaitan dengan skop kajian penulis, iaitu “*Memperkasa Modal Insan: Antara Peranan Dan Cabaran*” oleh Fadzli Adam, Asyraf Hj Ab. Rahman dan Ruzaini Sulaiman @ Abd Rahim merupakan perbincangan ringkas mengenai komponen-komponen utama modal insan, status modal insan kini, kekurangan ciri insan serta ciri-ciri pembangunan dan pembinaan sahsiah insan.<sup>49</sup> Manakala artikel “*Akhlak Sebagai Pemangkin Membangunkan Modal Insan Yang Berkualiti Dalam Masyarakat Plural*” oleh Nurul Himmah Kassan dan Rafeah Saidon pula menyetengahkan kepentingan pendidikan akhlak dalam pembinaan modal insan dalam masyarakat plural.<sup>50</sup> Dan artikel bertajuk “*Peranan Wanita dalam Pembangunan Modal Insan*” oleh Asmawati Suhid dan Abd Muhsin Ahmad membincangkan mengenai wanita dan kedudukannya di dalam Islam serta kepentingannya dalam pembangunan modal insan kerana tanggungjawab dan peranannya sebagai isteri dan ibu yang memainkan peranan sebagai

---

<sup>48</sup> Norhayati Haji Hamzah (2010), “Pembangunan Modal Insan: Satu Analisa Dari Sirah Nabi”, dalam Mohd Roslan Mohd Nor dan Ahmad Zaki Berahim @ Ibrahim (eds), *Pembangunan Modal Insan Dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h.111-127.

<sup>49</sup>Fadzli Adam et.al (2010), “Memperkasa Modal Insan: Antara Peranan dan Cabaran” dalam Mohd Roslan Mohd Nor dan Ahmad Zaki Berahim @ Ibrahim (eds), *Pembangunan Modal Insan dan Tamadun Dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h.139-151.

<sup>50</sup>Nurul Himmah Kassan dan Rafeah Saidon (2010), “Akhlak Sebagai Pemangkin Membangunkan Modal Insan Yang Berkualiti Dalam Masyarakat Plural” dalam Mohd Roslan Mohd Nor dan Ahmad Zaki Berahim @ Ibrahim (eds), *Pembangunan Modal Insan dan Tamadun Dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h.153-167.

pendidik utama dalam melahirkan dan membentuk insan yang mulia. Di samping itu, permasalahan dan cabaran wanita kini dalam pembentukan modal insan kini juga dibincangkan secara ringkas dalam artikel ini.<sup>51</sup>

Syamsul Bahri Andi Galigo menulis sebuah buku yang bertajuk “*Beberapa Isu dalam Pemikiran Islam*”. Di dalam buku tersebut dua buah artikel berkaitan dengan pembangunan modal insan iaitu *Pembangunan Modal Insan dari Perspektif Islam* yang membincangkan mengenai tiga perkara penting untuk membangunkan modal insan mengikut acuan Islam ialah pegangan akidah yang teguh, pengamalan kolektif akhlak mulia dan juga wawasan iman dan muamalah.<sup>52</sup> Artikel kedua ialah *Iman dan Taqwa Asas Pembangunan Modal Insan* membincangkan mengenai kepentingan iman dan taqwa dalam usaha membangunkan modal insan.<sup>53</sup>

“*Asma al-Husna dan Pembangunan Modal Insan*” merupakan sebuah penulisan yang menetengahkan mengenai konsep *asma al-husna* dalam wacana akidah dan juga pembangunan modal insan yang dilihat dari perspektif kepentingan penghayatannya dalam pembinaan karakter seseorang individu dari aspek pembangunan ilmu dan sahsiah dalam pencapaian kebahagiaan hidup.<sup>54</sup>

Sebuah tesis peringkat Doktor Falsafah oleh Shohana binti Hussin bertajuk “*Pemikiran Pembangunan Modal Insan Dalam kitab Hidāyah al-Sālikīn: Kajian Teks dan Kontekstual*” menganalisis mengenai pemikiran Syekh Abdul Samad al-Falimbani di

---

<sup>51</sup> Asmawati Suhid dan Abd Muhsin Ahmad (2010), “ Peranan Wanita Dalam Pembangunan Modal Insan” Mohd Roslan Mohd Nor dan Ahmad Zaki Berahim @ Ibrahim (eds), *Pembangunan Modal Insan dan Tamadun Dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. h.181-192.

<sup>52</sup> Syamsul Bahri Andi Galigo (2007), *Beberapa Isu dalam Pemikiran Islam*. Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia, h.1.

<sup>53</sup> *Ibid.*, h.117-131.

<sup>54</sup> Mohd Fauzi Hamat & Mohd Hasrul Shuhari (2011), *al-Asma' al-Husna dan Modal Insan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

dalam karya beliau iaitu *Hidāyah al-Sālikīn* berhubung pembangunan modal insan berteraskan Islam. Kajian ini juga bertujuan merumus kaedah dan pendekatan pembangunan modal insan yang berlatarkan pandangan Melayu-Islam supaya dapat digunakan dalam usaha memantapkan pembangunan modal insan serta membuktikan bahawa kandungan karya ini masih relevan dalam usaha untuk membentuk modal insan.<sup>55</sup>

Daripada perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa kajian-kajian lepas dalam yang menyentuh pembangunan modal insan mempunyai hala tuju yang berbeza dengan kajian yang dilakukan oleh penulis dalam penulisan ini. Ini adalah kerana perbincangan pembangunan kerohanian modal insan di sini difokuskan kepada pemikiran seorang tokoh terkenal Islam iaitu al-Māwardī.

Bahagian kedua pula adalah berkaitan dengan penulisan mengenai al-Māwardī dan juga karyanya *Adab al-Dunyā wa al-Dīn*.

Umumnya, banyak kajian dilakukan al-Māwardī, namun kebanyakannya menyentuh pemikiran politik dan kepimpinan beliau. Antara karya lepas berkenaan hal ini ialah sebuah disertasi Sarjana bertajuk “*An Examination of al-Māwardī’s Theory of the Caliphate with Reference to al-Ahkamu’s Sultaniyyah*” ditulis oleh Muhammad `Uthman El-Muhammady. Ianya sebuah penulisan yang agak lama iaitu pada tahun 1969. Ia membincangkan mengenai teori khilafah dalam kalangan Ahli Sunnah Wa Al-Jamaah sebagaimana yang dikemukakan oleh al-Māwardī yang pada dasarnya berhubungan dengan hakikat kekuasaan khalifah, fungsi-fungsi dan tugasnya, hakikat serta syarat-syaratnya.<sup>56</sup>

---

<sup>55</sup> Shohana Binti Hussin(2010), *Pemikiran Pembangunan Modal Insan Dalam Kitab Hidayah al-Salikin: Kajian Teks dan Kontekstual*.(Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya)

<sup>56</sup>Muhammad Uthman El-Muhammady (1969), “*An Examination of al-Mawardi’s Theory of Caliphate With Reference To al-Ahkamu’s Sultaniyyah*”. (Disertasi Sarjana Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya).

Sebuah lagi tesis ialah dari McGill University yang bertajuk “*The Concept of the Imamate in the Works of al-Māwardī*” oleh Muhammad Nafis. Tesis ini memperlihatkan mengenai konsep pentadbir yang telah dikemukakan oleh al-Māwardī yang bukan sahaja terdapat dalam karyanya “*al-Ahkām al-Ṣultāniyyah*” tetapi juga dalam karya beliau yang lain. Penulis turut membincangkan mengenai kehidupan dan pekerjaan al-Māwardī, sifat dan tugas imam atau ketua dan perkara yang berkaitan serta bahagian-bahagian yang berkaitan dengan pemerintahan. Kesimpulan yang dibuat juga menggambarkan konsep umum imam yang dikemukakan oleh al-Māwardī.<sup>57</sup>

Ahmad Mubarak al-Baghdadi telah mengkaji mengenai pemikiran politik al-Māwardī berdasarkan perbincangan al-Māwardī di dalam beberapa karyanya yang berkaitan dengan politik iaitu *Naṣīḥat al-Muluk*, *Tashīl al-Nazar* dan *Adab al-Wizāra*. Selain itu, beliau turut membincangkan mengenai *Adab al-Dunyā wa al-Dīn* serta kritikan terhadap pemikiran al-Māwardī di dalam kitab ini berdasarkan sumber yang digunakan oleh al-Māwardī yang dilihat oleh beliau banyak dipengaruhi oleh pendekatan budaya non-Muslim. Kitab *al-Ahkām al-Ṣultāniyyah* turut menjadi perbincangan dalam tesis ini secara terperinci.<sup>58</sup>

Hanna Mikhail dan karangannya yang bertajuk “*Politics and Revelation Māwardi and After*” membahagikan perbincangan kepada dua bahagian iaitu akal dan wahyu serta politik dan wahyu. Di dalam perbincangan mengenai politik dan wahyu, antara aspek yang dilihat oleh penulis ialah kriteria undang-undang, keadilan dan reaksi terhadap ketidakadilan. Kedua-dua bahagian ini dilihat dari sudut sebelum zaman al-Māwardī dan

---

<sup>57</sup> Muhammad Nafis (1993), “The Concept of the Imamate in the Works of al-Mawardi”. (Disertasi Sarjana, Institute of Islamic Studies, McGill University, Montreal).

<sup>58</sup> Ahmad Mubarak al-Baghdadi (1981), “The Political Thought of Abū al-Ḥasan al-Māwardī”. (Tesis Doktor Falsafah, Faculty of Arts, University of Edinburgh).

selepasnya. Penulisnya telah membuat kesimpulan yang menengahkan pemikiran politik Islam dan Barat.<sup>59</sup>

“*Political Thought In Medieval Islam An Introductory Outline*” oleh Erwin I.J. Rosenthal membicarakan mengenai undang-undang perlembagaan dan sejarah Islam dan legasi Plato. Teori khalifah dan fungsinya dilihat menurut perspektif al-Māwardī melalui karyanya “*al-Ahkām al-Ṣulṭāniyyah*”.<sup>60</sup>

Di dalam buku “*Sejarah Islam Dari Segi Falsafah*” terdapat satu bab yang bertajuk “al-Māwardī” yang mana ianya menyentuh secara ringkas mengenai kehidupan dan pekerjaan al-Māwardī dan beberapa teori politik yang berkaitan yang telah disebut oleh al-Māwardī.<sup>61</sup>

Terdapat sebuah artikel yang ditulis oleh Muhammad Uthman el-Muhammady yang bertajuk “*Pentadbiran Negara Islam (Dar al-Islam) menurut al-Māwardī*”. Ianya menjelaskan mengenai pentadbiran Negara Islam seperti yang dinyatakan oleh al-Māwardī.<sup>62</sup>

“*The Office of Kadi in the Ahkam Sultaniyya of Mawardi*” adalah sebuah artikel jurnal yang mengkaji sejauhmana syarat-syarat kadi yang digariskan oleh al-Māwardī dalam al-Ahkām Sulṭāniyyah dipraktikkan dalam beberapa pemerintahan.<sup>63</sup> Sebuah artikel lain pula mengenai al-Māwardī dengan tajuk “*The Mazalim Jurisdiction in the Ahkam*

---

<sup>59</sup> Hanna Mikhail (1995), *Politics dan Revelation Māwardi and After*. Edinburgh: Edinburgh University Press Ltd.

<sup>60</sup> Erwin I. J. Rosenthal (1968), *Political Thought in Medieval Islam*. London: Cambridge University Press. h. 27-37.

<sup>61</sup> Muhammad Qamaruddin Khan (1994). “Al-Mawardi” dalam M. M. Shariff (ed.). *Sejarah Islam Dari Segi Falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 722-736.

<sup>62</sup> Muhammad Uthman El-Muhammady (2005), “Pentadbiran Negara Islam (Dar-al-Islam) menurut al-Mawardi” dalam *Malaysia Sebagai Sebuah Negara Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, h. 213-230.

<sup>63</sup> H. F. Amedroz (1910), “The Office of Kadi in the Ahkam Sultaniyya of Mawardi”, dalam *Royal Asiatic Society of Great Britain and Ireland Journal 1910*. Cambridge: Cambridge University Press, h. 761-796.

*Sultaniyya of Mawardi*” yang membicarakan mengenai bidang kuasa menurut perspektif al-Māwardī di dalam *al-Ahkām al-Ṣulṭāniyyah*.<sup>64</sup>

Daripada perbincangan di atas, dapat dilihat bahawa ianya menfokuskan kepada pemikiran politik atau yang berkaitan dengan kepimpinan al-Māwardī sahaja. Dapat disimpulkan kesemuanya adalah berbeza dengan kajian yang dijalankan oleh penulis. Namun tidak dinafikan terdapat kajian-kajian yang menjurus kepada pemikiran akhlak, adab dan pendidikan oleh al-Māwardī.

Antara kajian tersebut ialah sebuah disertasi bertajuk “*Konsep Etika menurut al-Māwardī*” oleh Mohammad Nu'man membicarakan mengenai konsep etika yang terdapat dalam karya al-Māwardī iaitu *Adab al-Dunyā wa al-Dīn* secara umum. Beliau memulakan penulisannya dengan menyentuh mengenai latarbelakang al-Māwardī yang melibatkan riwayat hidup, karya serta latarbelakang sosial dan politik tokoh. Ianya diteruskan dengan perbincangan mengenai manusia dan moral menurut perspektif tokoh di dalam *Adab al-Dunyā wa al-Dīn*. Pembahagian ketiga-tiga adab oleh al-Māwardī iaitu *adab al-dīn*, *adab al-dunyā* dan *adab al-nafs* dibincangkan dibawah satu kategori iaitu perbuatan manusia.<sup>65</sup>

Sebuah buku lain yang ditulis oleh Suparman Syukur bertajuk “*Etika Religius*” membicarakan mengenai kerangka teori dan metodologi yang diketengahkan oleh al-Māwardī dalam *Adab al-Dunyā wa al-Dīn*, latarbelakang kehidupan al-Māwardī yang merangkumi kehidupan, karya keadaan masyarakat serta kedudukannya dalam sejarah pemikiran Islam. Selain itu, penulisannya menyentuh mengenai *Adab al-Dunyā wa al-Dīn* dari segi sejarah, subjek dan susunan karya ini serta perbincangan tentang akal. Fokus

---

<sup>64</sup> H. F. Amedroz (1911), “The Mazalim Jurisdiction in the Ahkam Sultaniyya of Mawardi”, dalam *Royal Asiatic Society of Great Britain and Ireland Journal*, vol. 43. Cambridge: Cambridge University Press, h. 635-674.

<sup>65</sup> Mohammad Nu'man (2007), “Konsep Etika Menurut al-Mawardi”. (Disertasi Doktor Falsafah, Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah).



seterusnya adalah kepada etika keagamaan yang menjadi perbincangan utama di dalam *Adab al-Dunyā wa al-Dīn* dan pembentukan perilaku muslim yang sebenar berdasarkan pemikiran al-Māwardī.

“*Ethical Theories in Islam*” pula membincangkan mengenai al-Māwardī dalam bahagian yang keempat iaitu etika agama. Penulisnya iaitu Majid Fakhry telah membahagikan empat jenis teori etika yang dilihat dari segi penulisan dan sumber yang digunakan. Beliau telah meletakkan karya *Adab al-Dunyā wa al-Dīn* ini termasuk di dalam kategori *religious theories* yang berasaskan kepada konsep al-Qur’an tentang manusia dan kedudukannya di alam ini.<sup>66</sup> Tumpuan ulasan adalah kepada bab kelebihan akal dan pembahagiannya serta perkaitannya dengan *adab al-dunyā*, *adab al-dīn* serta *adab al-nafs* berdasarkan penulisan al-Māwardī dalam *Adab al-Dunyā wa al-Dīn*.<sup>67</sup>

H. Abudin Nata di dalam bukunya yang bertajuk “*Pemikiran Para Tokoh Pendidikan Islam*” pula telah membincangkan mengenai “*Konsep Pendidikan al-Māwardī*” yang diambil berdasarkan karya al-Māwardī iaitu *Adab al-Dunyā wa al-Dīn* di bawah bab *adab al-‘ilm*. Sikap yang perlu ada pada seorang pendidik seperti tawaduk, ikhlas, mendidik untuk mendapatkan keredhaan Allah, memberi teladan yang baik dan penyayang. Perbincangan bab ini adalah lebih kepada keperibadian seorang guru.<sup>68</sup>

Terdapat juga beberapa buah buku berbahasa Arab yang telah ditulis mengenai al-Māwardī antaranya ialah “*al-Imām Abū al-Hassan al-Māwardī*” yang mana perbahasan

---

<sup>66</sup> Empat jenis pembahagian tersebut ialah *scriptural morality*, *theological theories*, *philosophical theories* dan juga *religious theories*. Lihat Majid Fakhry (1994), *Ethical Theories In Islam*. Leiden: E. J. Brill, h. 6-8.

<sup>67</sup> *Ibid.*, h. 158-167.

<sup>68</sup> H. Abuddin Nata (2000), *Pemikiran Para Tokoh Pendidikan Islam*. Jakarta: PT RajaGrafindo Persada, h. 43-58.

adalah mengenai kehidupan tokoh, penguasaan tokoh mengenai asas-asas Islam dan siyasah, sebagai seorang qadi, mutakallimun dan failasuf akhlaqi.<sup>69</sup>

“*Qirāah Tarbawiyah fī Fikr Abī al-Ḥaṣan al-Baṣri al-Māwardī min Khilāl Kitāb Adab al-Dunyā wa al-Dīn*” yang dikarang oleh Dr ‘Alī Khalīl Muṣṭafā merupakan sebuah penulisan yang merangkumi biodata al-Māwardī, konsep taklif, konsep insan, konsep ma’rifah, konsep akhlak, konsep kemasyarakatan, tujuan pendidikan dan juga pengajaran serta pembelajaran menurut perspektif al-Māwardī berdasarkan kitab *Adab al-Dunyā wa al-Dīn* sebagai rujukan utama.<sup>70</sup>

Dapat dilihat bahawa kajian-kajian ini di atas walaupun memfokuskan kajian mereka kepada konsep etika al-Māwardī, namun ia dibuat secara umum sahaja sedangkan kajian penulis memfokuskan secara khusus kepada *adab al-riyāḍah wa al-istiṣlāh* dalam pembangunan kerohanian modal insan.

Selain itu “*al-Māwardī*” sebuah lagi karya yang memperkenalkan al-Māwardī pada permulaan penulisan kitab ini tentang kehidupan dan ekonomi masyarakat ketika zamannya. Latarbelakang politik, keturunan, syeikh dan murid, malah karyanya juga turut disebut di dalam kitab ini. Tumpuan kitab ini adalah pada manhaj tafsir al-Qur’an dan sumber fiqh yang digunakan oleh al-Māwardī.<sup>71</sup>

Berdasarkan kajian-kajian di atas, ianya adalah berbeza dengan fokus yang cuba dibawa oleh penulis dalam kajian ini. Kajian ini memfokuskan kepada *adab al-riyāḍah wa*

---

<sup>69</sup> Muḥammad Sulaymān Dāwūd dan Fu’ād ‘Abd al-Mun‘īm Aḥmad (1978), *Al-Imām Abū Ḥassan al-Māwardī*. Iskandariah: Mu’assasah Shabāb al-Jami’iyah.

<sup>70</sup> ‘Alī Khalīl Muṣṭafā (1990), *Qirā’ah Tarbawiyah fī Fikr Abī al-Ḥasan al-Baṣri al-Māwardī Min Khilāl Kitāb Adab al-Dunyā Wa al-Dīn*. Manṣūrah: Dār al-Wafā.

<sup>71</sup> Al-Syeikh Kāmil Muḥammad Muḥammad ‘Uwayḍah (1996), *op.cit.*.

*al-istiṣlāh* yang dibawa oleh al-Māwardī dalam usaha pembangunan modal insan. Walau bagaimanapun kajian-kajian lepas ini turut menjadi panduan kepada penulis.

## 9.0 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian merupakan satu aspek yang paling penting dalam melakukan sesuatu kajian. Ini kerana ia dapat mengukur sejauhmanakah kebenaran sesuatu fakta yang dipungut dan diperolehi dengan mempunyai sifat validiti dan kebolehpercayaan yang tinggi. Bahkan metodologi kajian ini juga mampu memberikan arah serta panduan yang terperinci kepada para pengkaji bermula daripada awal kajian sehinggalah kesimpulan yang akan dicapai serta menjawab setiap objektif yang disasarkan oleh penulis.<sup>72</sup>

Kajian ini akan menumpukan perbincangan mengenai tokoh terkemuka Islam iaitu al-Māwardī dengan menganalisis perbincangan mengenai *adab al-riyāḍah wa al-istiṣlāh* dalam karyanya yang berjudul *Adab al-Dunyā wa al-Dīn* serta perkaitannya dengan pembangunan modal insan seperti yang dianjurkan oleh beliau. Kajian ini dilakukan oleh penulis adalah bercirikan kajian perpustakaan (*library research*) yang berbentuk kualitatif analisis deskriptif dokumen. Oleh yang demikian metodologi yang akan digunakan dalam kajian ini adalah berasaskan kepada kaedah pengumpulan dan penganalisan data yang bersesuaian dengan kajian perpustakaan. Untuk tujuan itu, penulis telah memilih kaedah sebagaimana berikut:

### 1. Metode Pengumpulan Data

Dalam proses mengumpul data, dokumen-dokumen seperti kamus, buku, ensiklopedia, tesis, disertasi ilmiah, kertas kerja seminar, jurnal dan artikel akan digunakan untuk memperolehi maklumat-maklumat dan fakta-fakta yang tepat berkaitan biografi al-

---

<sup>72</sup> Hasan Asari (2003), "Pengkajian Pendidikan Islam: Sebuah Catatan Tentang Pendekatan dan Metodologi", *Analytica Islamica*, Jil.5, h. 36

Māwardī dan aplikasi internet serta laman-laman web berkaitan juga dilihat suatu cara yang amat penting untuk penulis memperoleh maklumat.

**Metode Historis** juga digunakan dalam mencari fakta sejarah seperti mencari latar belakang kehidupan dan yang berkaitan dengan zaman kehidupannya yang mungkin terdapat faktor yang mendorong kepada penulisan kitab ini. Ia juga digunakan bagi mendapatkan data-data yang mempunyai nilai-nilai sejarah. Ini bertujuan untuk menggabungkan kejadian sejarah pada zaman tersebut dengan pada masa kini. Metode ini banyak digunakan dalam bab kedua yang banyak membincangkan tentang riwayat hidup tokoh serta mengulas tentang karya *Adab al-Dunyā wa al-Dīn*.

## 2. Metode Penganalisan Data

**Metode analisa data** pula digunakan oleh penulis bagi mengkaji data-data yang terkumpul. Proses analisis ini bermula dengan menilai data dan kemudian mengadunkannya serta membuat penafsiran terhadap data dan analisisnya<sup>73</sup>. Penganalisan ini amnya menggunakan metod analitis, deskriptif dan kualitatif yang secara nyata mengandungi metode berikut:

Penulis akan menggunakan metode induktif yang merupakan satu cara untuk menganalisis melalui cara berfikir dan kemudian mencari keputusan atau pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus kepada data-data yang bersifat umum<sup>74</sup>. Metode ini akan digunakan dalam bab keempat untuk menganalisis tentang perkaitan antara *adab al-riyāḍah wa al-istiṣlāh* dengan pembangunan modal insan seperti yang dianjurkan oleh al-Māwardī.

---

<sup>73</sup> Idris Awang (2001), *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan*. Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication, h. 75.

<sup>74</sup> Mohd Majid Konting (2005), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 86.

Di sini penulis akan mengemukakan beberapa fakta tentang kaitan *adāb al-riyāḍah wa al-istiṣlāh* dengan pembangunan modal insan.

Selain itu juga penulis menggunakan metode deduktif. Ia adalah satu cara menganalisis data-data yang mentah berdasarkan kepada fakta yang umum kepada sesuatu data yang bersifat khusus<sup>75</sup>. Penulis menggunakan kaedah ini dengan membahagikan kajian kepada beberapa buah bab tertentu. Seterusnya melalui bab-bab tersebut penulis memperincikan setiap tajuk yang hendak dibincangkan oleh penulis dalam setiap bab tersebut.

## **10.0 SUSUNAN BAB**

Kajian ini akan dibahagikan kepada enam bab yang mana akan membincangkan mengenai *adab al-riyāḍah wa al-istiṣlāh* dalam pembangunan modal insan menurut al-Māwardī dalam karya *Adab al-Dunyā wa al-Dīn*. Berikut adalah susunan bab yang dicadangkan:

Bab pendahuluan merupakan bab awalan merangkumi latarbelakang masalah kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, huraian tajuk, skop kajian, kepentingan kajian, kajian lepas, metodologi penyelidikan yang digunakan di dalam kajian yang dijalankan serta susunan bab dan kesimpulan.

Bab yang seterusnya iaitu bab pertama mengetengahkan landasan teori kajian yang dijalankan iaitu pembangunan modal insan dari aspek kerohanian menurut akhlak Islam. Bab ini dimulai dengan pendahuluan bab, definisi pembangunan modal insan, modal insan menurut perspektif Barat dan Islam, konsep akhlak Islam, kepentingan pembangunan kerohanian dalam pembentukan akhlak Islam disusuli dengan kaitan antara pembangunan modal insan dengan pembangunan kerohanian dan diakhiri dengan kesimpulan bab.

---

<sup>75</sup> *Ibid.*,h. 87.

Bab yang kedua menghuraikan mengenai latarbelakang al-Māwardī dan konsep akhlak yang diketengahkannya. Bermula dengan pendahuluan, latarbelakang al-Māwardī yang menghuraikan mengenai pendidikan, suasana dan perkembangan ilmu di zamannya dan karya-karyanya. Seterusnya, konsep akhlak beliau yang terdiri daripada definisi dan beberapa huraian berkaitan akhlak serta penerangan mengenai *adab al-nafs* dan pembahagiannya yang akan menjadi topik utama kajian turut dimuatkan di dalam bab ini serta berakhir dengan kesimpulan bab.

Bab yang ketiga menghuraikan mengenai *adab al-riyāḍah wa al-iṣṭislāḥ* menurut al-Māwardī dalam karya *Adab al-Dunyā wa al-Dīn*. Keenam-enam bahagian yang terdapat di dalam *adab al-riyāḍah wa al-iṣṭislāḥ* iaitu *al-kibr wa al-i`jāb*, *ḥusn al-khuluq*, *al-ḥayā'*, *al-ḥilm wa al-ghadab*, *al-ṣidq wa al-kidhb* dan *al-ḥasad wa al-munāfasah* dihuraikan satu persatu.

Bab keempat akan menganalisis kaitan *adab al-riyāḍah wa al-iṣṭislāḥ* dengan pembangunan modal insan menurut al-Māwardī.

Bab yang kelima ialah bab penutup yang merangkumi kesimpulan dan saranan kajian yang telah dijalankan.

## **11.0 KESIMPULAN**

Usaha membangunkan modal insan sebagaimana yang dianjurkan oleh Islam adalah bermula dari usaha pembangunan rohani insan yang antara lain melibatkan pembentukan akhlak yang mulia. Jadi menerusi kajian ini, penulis akan cuba untuk mengkaji apa yang telah diketengahkan oleh al-Māwardī dalam karyanya *Adab al-Dunyā wa al-Dīn*. Selain itu, ianya adalah bertujuan untuk memperkenalkan karya ini kepada umum sebagai salah satu sumbangan al-Māwardī di dalam bidang akhlak. Tumpuan kajian ini adalah kepada

*adab al-riyāḍah wa al-iṣṭislāḥ* yang melibatkan beberapa sifat mahmudah yang perlu diterapkan di dalam diri dan beberapa sifat mazmumah yang perlu dibuang dalam usaha melahirkan insan yang terbangun rohaninya dengan sifat-sifat yang mulia.